

# MELOCAM TABLET

Meloxicam (7.5mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan MELOCAM TABLET
2. Bagaimana MELOCAM TABLET berfungsi
3. Sebelum mengambil MELOCAM TABLET
4. Cara menggunakan MELOCAM TABLET
5. Semasa menggunakan MELOCAM TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan MELOCAM TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan MELOCAM TABLET

MELOCAM TABLET digunakan untuk melegakan kesakitan dan keradangan dalam penyakit reumatik; eksaserbasi osteoarthritis (arthrosis, penyakit sendi degeneratif) dan *ankylosing spondylitis* (penyakit keradangan tulang yang kronik).

## Bagaimana MELOCAM TABLET berfungsi

Meloxicam terdiri daripada kumpulan ubat yang dikenali sebagai NSAIDs. Ia berfungsi dengan menghentikan penghasilan bahan oleh badan yang menyebabkan kesakitan, demam, and keradangan.

## Sebelum menggunakan MELOCAM TABLET

### -Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan MELOCAM TABLET:

- jika anda pernah mempunyai asma, *angioedema* (pembengkakan kulit), kegatalan, polip hidung dan simptom lain yang teruk disebabkan oleh Aspirin atau NSAIDs.
- jika anda mempunyai ulser perut yang aktif
- jika anda mempunyai masalah hati atau buah pinggang yang teruk
- jika anda hipersensitif kepada NSAIDs
- jika anda berumur dibawah 15 tahun
- jika anda mengandung atau menyusukan anak

### -Sebelum menggunakan MELOCAM TABLET

Sila rujuk kepada doktor anda:

- jika anda mempunyai ulser, pendarahan atau lubang pada perut atau usus
- jika anda warga emas
- jika anda mempunyai masalah hati atau buah pinggang
- jika anda dehidrasi
- jika anda mempunyai kegagalan jantung

atau masalah jantung

- jika anda pernah menjalani pembedahan yang besar yang mengakibatkan *hypovolaemia* (kekurangan jumlah darah didalam badan)
- jika anda menderita disebabkan dispepsia (ketidakselesaan pada kawasan epigastrik disebabkan masalah penghadaman)

Meloxicam boleh mengakibatkan reaksi kulit yang teruk, seperti *exfoliative dermatitis*, *toxic epidermal necrolysis*, *Steven-Johnson Syndrome*. Simptom mungkin termasuk ruam kulit, lepuh, dan mengelupas. Ini boleh menjadi tanda-tanda untuk keadaan yang serius. Jika tindak balas ini berlaku, hentikan penggunaan dan dapatkan bantuan perubahan dengan segera.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat yang diambil bersama MELOCAM TABLET mungkin mengakibatkan interaksi sesama sendiri. Ini termasuk:

- NSAIDs lain, ubat yang digunakan untuk melegakan kesakitan.
- oral *anticoagulant*, *ticlopidine*, *systematically administered heparin*, *thrombolytic*, ubat yang digunakan untuk penipisan darah.
- *lithium*, ubat digunakan untuk depresi.
- *methotrexate*, ubat yang digunakan untuk merawat *rheumatoid arthritis*, termasuk sesetengah jenis kanser
- alat pencegahan kehamilan
- *diuretic*, juga dikenali sebagai 'pil air'
- *antihypertensive*, ubat yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi
- *cholestyramine*, ubat yang membantu merendahkan kadar kolesterol dalam darah
- *cyclosporine*, ubat yang menghalang penolakan pemindahan organ.

Doktor anda atau ahli farmasi mempunyai lebih maklumat tentang langkah berhati-hati atau langkah yang perlu dielakkan semasa pengambilan ubat.

## Cara menggunakan MELOCAM TABLET

### -Berapa banyak harus digunakan

Osteoarthritis: 7.5mg setiap hari, boleh ditambah jika perlu sehingga maksimum 15mg setiap hari.

Arthritis rheumatoid: 15mg setiap hari. Dos boleh dikurangkan kepada 7.5mg setiap hari mengikut respons terapeutik.

Keradangan tulang yang kronik: 15mg setiap hari.

Dalam pesakit dengan peningkatan risiko kesan sampingan, mulakan dengan dos 7.5mg setiap hari.

Pada pesakit dialisis dengan kerosakan buah pinggang yang teruk, dos yang tidak boleh melebihi 7.5mg setiap hari.

Jumlah dos harian tidak boleh melebihi 15mg.

### -Bila perlu digunakan

Tablet harus diambil dengan air atau cecair lain bersempena dengan makanan.

### -Berapa lama perlu digunakan

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### -Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlepas dos MELOCAM TABLET, ambil secepat mungkin. Jika ia menghampiri masa untuk dos seterusnya, skip dos tertinggal dan kembali kepada jadual pengambilan dos biasa anda. Jangan menggandakan dos.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubahan dengan segera.

## Semasa menggunakan MELOCAM TABLET

### -Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda seperti yang doktor anda sarankan.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda yang anda mengambil MELOCAM TABLET.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengandung semasa mengambil ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat melainkan dinasihatkan oleh doktor anda.

Jangan mengambil ubat baru tanpa mendapatkan nasihat doktor anda.

Jangan berikan ubat ini kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom dan keadaan yang serupa dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana MELOCAM TABLET memberi kesan kepada anda.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat, MELOCAM TABLET boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan, walaupun tidak semua mendapatkannya.

Jumpa doktor anda atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan selepas penggunaan ubat ini.

Gastrosus: Dispepsia (ketidakhadaman), loya, muntah, sakit perut, sembelit, kembung perut dan cirit-birit, esophagitis (keradangan pada esofagus), gastro-duodenal ulser, pendarahan perut dan usus, penembusan perut dan usus, kolitis (keradangan pada lapisan kolon/usus), hepatitis (keradangan pada hati), gastritis (keradangan pada lapisan perut).

Hematologi (darah): Anemia (kurang darah), gangguan kiraan darah, termasuk perbezaan bilangan sel putih, leukopenia (pengurangan sel darah putih) dan thrombocytopenia (kekurangan platelet dalam darah).

Penggunaan seiring ubat myelotoxic (ubat yang menghalang fungsi tulang sumsum) menjadi faktor kepada tercetusnya cytopenia (kurang sel darah).

Dermatologi (kulit): Gatal-gatal dan ruam kulit, stomatitis (keradangan pada kawasan mulut) dan urtikaria (gatal-gatal), *photosensitization, bullous reactions, erythema multiforme, Stevens-Johnson syndrome and toxic epidermal necrolysis* mungkin berlaku.

Pernafasan: asma

Sistem Saraf berpusat: sakit kepala, *vertigo* (rasa berpusing), *tinnitus* (deringan dalam telinga) dan mengantuk, kekeliruan dan ketidakstabilan.

Kardiovaskular: Oedema (bendalir yang berlebihan dalam kaviti badan), peningkatan tekanan darah, berdebar-debar.

Genitourinary: buah pinggang berfungsi secara tidak normal (peningkatan kreatinin serum dan / atau serum urea), kegagalan buah pinggang akut.

Gangguan penglihatan: Konjunktivitis (keradangan dalam mata), gangguan penglihatan termasuk penglihatan kabur.

Reaksi hipersensitiviti: Angio-edema dan tindak balas hipersensitiviti serta-merta termasuk Anaphylactoid / tindak balas anaphylactic.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel.: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumer→Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan**

-Penyimpanan


Simpan di dalam bekas kedap udara. Simpan di bawah suhu 30°C dan elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

-Pelupusan

Jika doktor atau ahli farmasi anda memberitahu untuk berhenti menggunakan MELOCAM TABLET atau ubat ini telah luput tarikh, sila bertanya kepada doktor atau ahli farmasi tentang cara pengendalian ubat yang tertinggal.

**Maklumat lanjut**

-Rupa dan warna produk

Tablet berwarna kuning pudar, satu belah ditunjukkan dengan “” dan satu belah lain adalah kosong.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif:

Meloxicam

-Bahan tidak aktif:

Cellulose

Silicon Dioxide

Sodium Starch Glycolate

Povidone

Lactose

Magnesium Stearate

Sodium Citrate

-Nombor MAL

MAL06051310AZ

**Pengilang**

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3, 5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3, 5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

5/4/2016

**Nombor Siri**

BPFK(R4/1)050416/00100